

Penyebab HG

HG merupakan penyakit kompleks yang puncanya masih belum difahami sepenuhnya. Penyelidikan menjumpai bahawa sejarah keluarga adalah sebahagian daripada teka-teki HG. Sekiranya ibu, ibu saudara, nenek atau adik-beradik perempuan mengalami HG, anda cenderung untuk mengalami HG juga. Lebih 75% ibu yang mengalami HG akan mengalami HG berulang bagi kehamilan seterusnya.

Jika Anda Mengalami HG

Cari petugas kesihatan yang berpengalaman dalam menguruskan HG, bersedia untuk mencuba rawatan baru dan mempunyai belas kasihan.

Cari penyokong/pembela di antara rakan-rakan dan ahli keluarga yang anda percayai untuk bersuara bagi pihak anda dan juga sebagai penghubung dengan perawat perubatan anda.

Cari komuniti sokongan yang berpengalaman dalam menghadapi HG.

Belajar mengenai HG. Mengetahui pilihan rawatan sering meningkatkan penjagaan dan pengurusan yang lebih berkesan untuk mengurangkan risiko komplikasi.

BAHASA MALAYSIA TRANSLATION:

*Dr. Tengku Intan Baizura Tengku Jamaluddin
Oral and Maxillofacial Surgeon
Universiti Teknologi MARA Selangor*

*Dr. Tengku Zetty Maztura Tengku Jamalluddin
Infection Prevention and Control Specialist
Universiti Putra Malasia*

*Dr. Naffisah Mohd Hassan
Health Informatics
Universiti Teknologi MARA Selangor*

Yayasan HER Dapat Membantu

Yayasan HER (Pendidikan & Penyelidikan Hyperemesis) merupakan Pertubuhan Bukan Kerajaan (non-profit organisation, NPO) yang berdedikasi menyumbang ke arah sokongan HG, pendidikan, penyelidikan dan advokasi (pembelaan). Sejak tahun 2003, kami telah membiayai penyelidikan kritikal dan telah menjadi suara bagi HG, sumber HG terkemuka dalam talian untuk wanita dan perawat/penjaga kesihatan mereka, dan talian hayat yang dipercayai untuk penghidap HG.

RANGKAIAN RUJUKAN

Cari penyedia/penjaga kesihatan di kawasan anda yang memahami HG. Atau email kami untuk maklumbalas yang pantas. GetHelpNow@HelpHER.org.

SOKONGAN ATAS TALIAN

Sertai Forum Sokongan secara kumpulan di atas talian seperti di FaceBook dan di platform multimedia lain untuk berkongsi pengalaman HG serta mencari harapan dan sokongan. Dan juga untuk mendapatkan jawapan kepada soalan-soalan anda.

SOKONGAN BERHAMPIRAN ANDA

Lawati ruang "For Mothers" dalam laman web kami atau e-mel kepada kami untuk berhubung dengan sukarelawan di kawasan anda.

MAKLUMAT

Laman web kami mempunyai sumber untuk gejala-gejala HG, pilihan rawatan, penyelidikan, mendapatkan bantuan dan petua-petua menghadapi HG.



www.Hyperemesis.org
GetHelpNow@Hyperemesis.org
FB & YouTube/HERFoundation
Twitter & Instagram/@HGmoms

Apabila ia melebihi mabuk kehamilan

DAPATKAN BANTUAN DARIPADA **HER**



MEMAHAMI HYPEREMESIS GRAVIDARUM (HG)



HER
Foundation

MABUK KEHAMILAN VS. HG

Apa Itu HG?

Hyperemesis gravidarum (HG) adalah penyakit yang berlaku semasa mengandung. Yang dicirikan dengan mengalami keloayan dan/ atau muntah yang sangat teruk, serta kepekaan rangsangan deria yang ekstrim. HG juga mengakibatkan penurunan berat badan yang mendadak dan kekurangan zat makanan. HG yang teruk atau tidak dirawat membahayakan kesihatan kedua-dua ibu dan bayi semasa tempoh kehamilan dan mungkin di masa hadapan.

HG Bukan...

HG merupakan punca utama kemasukan ke hospital semasa di peringkat awal kehamilan dan punca kedua kemasukan sepanjang kehamilan.

Walaupun sedemikian, HG masih merupakan satu masalah semasa mengandung yang sering disalahfahamkan. Warga kesihatan masih kurang arif dan berbelah bahagi dalam pengurusan rawatan pro-aktif pesakit HG yang teruk. Ini mengakibatkan penukaran doktor yang merawat, rujukan atau rundingan dengan pakar perinatologi untuk rawatan yang lebih berkesan.

FAKTA

HG bukan mabuk kehamilan bagi kehamilan yang sihat dan normal.
HG bukan disebabkan oleh gangguan mental dan ibu tiada kawalan ke atas gejala-gejala yang dihadapi.

MABUK KEHAMILAN

Anda berkemungkinan mengalami penurunan berat badan yang sedikit, namun berjaya mencapai berat badan optimum sepanjang kehamilan.

Kebanyakan harinya, mengalami loya/muntah yang tidak menghalang makan atau minum. Jarang sekali memerlukan preskripsi ubat makan atau saluran vena (IV).

Kerap muntah dan mengalami loya yang tidak berpanjangan/parah. Mungkin menyebabkan ketidakselesaan tetapi kurang risiko kesihatan kepada ibu dan kandungan.

Berasa kelegaan melalui pemakanan dan/atau kebanyakan masa akan mengalami perubahan gaya hidup, terutamanya selepas 14 minggu kehamilan.

Kebiasaannya, berasa lebih baik apabila menjangkau 14 minggu kehamilan tetapi berkemungkinan mengalami loya sekali-sekala.

Kebanyakan harinya, berupaya untuk berkerja dan/atau menjaga keluarga walaupun keletihan.

Menghadapi perubahan yang sedikit atau ketara yang berpanjangan dalam kesihatan emosi dan aktiviti-aktiviti sosial.

Bayi mengalami sedikit (sekiranya ada) masalah kesihatan akibat mabuk kehamilan.

HYPEREMESIS GRAVIDARUM (HG)

Anda berkemungkinan hilang 5-20 paun (2 – 9 kilogram) atau lebih (>5% daripada berat badan sebelum mengandung) dan berat badan tidak meningkat secukupnya.

Mengalami loya/muntah yang menghalang makan atau minum. Dehidrasi dan kekurangan zat pemakanan sering berlaku sekiranya tidak dirawat.

Menjeluk atau kerap muntah, dan mungkin memuntahkan jus hempedu atau darah sekiranya tidak dirawat. Keloayan boleh menjadi lebih parah, kerap dan melemahkan.

Memerlukan rawatan perubatan. Khususnya, ubat dan cecair melalui saluran vena (IV) dan juga, terapi pemakanan (diet).

Berkemungkinan berasa lebih baik menjelang pertengahan kehamilan, tetapi mungkin muntah sepanjang kehamilan.

Mungkin tidak dapat berfungsi selama beberapa minggu atau bulan. Kerja rumah mudah dan tugas penjagaan diri seperti mandi atau memandu menjadi mustahil.

Berisiko tinggi untuk mendapat kebimbangan/kerisauan, kemurungan, kemurungan selepas bersalin dan gangguan tekanan selepas trauma kerana pengasingan sendiri, kemusnahan dan kesengsaraan.

Melahirkan bayi dengan risiko pra-matang yang lebih besar dan pertumbuhan terencat, serta masalah kesihatan berjangka panjang.